

Anwar mahu mutu DidikTV ditingkat

Kaedah baharu perlu diteroka tambah baik mutu pendidikan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dalam kesibukan tugas seharian, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mencuri masa berkunjung ke Balai Berita New Straits Times Press (Malaysia) Berhad di Bangsar bagi bertemu dengan pengurusan tertinggi Media Prima Berhad (MPB).

Dalam pertemuan malam kelmarin, Anwar turut menegaskan ikhtiar dan kaedah baharu perlu terus diterokai bagi meningkatkan mutu pendidikan dalam kalangan anak-anak, termasuk meningkatkan mutu DidikTV, yang dikelolakan MPB.

Mengulas lanjut katanya, ini kerana beliau tertarik terhadap pencapaian DidikTV yang membantu ramai pelajar, terutama di luar bandar memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

“Usai Majlis Berbuka Puasa MADANI (malam kelmarin), saya berkunjung ke Balai Berita di Bangsar untuk bertemu dengan pengurusan tertinggi Media Prima Berhad.

“Saya diberikan taklimat ter-

kait operasi dan cabang perniagaan syarikat merangkumi televisyen, akhbar, radio, pengiklanan dan digital.

“Taklimat turut menyentuh perkembangan DidikTV sejak saluran ini mula bersiaran dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM).

“Saya tegaskan bahawa kita mesti terus berikhtiar dan mencari kaedah baharu untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam kalangan anak-anak, termasuk meningkatkan mutu DidikTV,” katanya melalui aplikasi X, semalam.

Kehadiran Perdana Menteri di-

sambut Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Media Prima Television Networks (MPTN) dan Primeworks Studios, Nini Yusof; Ketua Pegawai Operasi (COO) Media Prima Omnia, Datuk Mohd Effendi Omar serta Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, merangkap Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

DidikTV KPM dijadikan sebagai saluran khusus TV Pendidikan bermula 17 Februari 2021 dikenali sebagai NTV7, namun sejak 4 April 2022, ia bersiaran 24 jam serentak dengan Hot FM.